

Rencana

Lapan botol plastik boleh hasilkan sehelai jersi

**Prof Madya
Dr Haliza
Abdul
Rahman**



Ketua Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSS) Universiti Putra Malaysia

Menurut perangkaan, pada 2018 rakyat Malaysia membuang sumber kitar semula bernilai RM476 juta. Kertas mencatat pengeluaran sisa terbanyak, iaitu 17 peratus atau RM205 juta, manakala sumber buangan kedua terbesar ialah plastik (9 peratus/RM163 juta).

Dalam satu kajian, 36 peratus daripada mereka ditemu ramah mengakui membuang beg plastik selepas digunakan hanya sekali, sedangkan secara purata, seorang individu menggunakan hampir lapan beg plastik seminggu. Hal ini berlaku walaupun kempen mengurangkan penggunaan seperti mengenakan bayaran 20 sen per beg plastik sudah lama dilaksanakan.

Apakah orang ramai belum sedar pereputan beg plastik tidak semudah disangka, selain menyumbang pembentukan gas rumah kaca hijau yang memberi kesan kepada pemanasan global, memudaratkan kesihatan manusia dan hidupan lain, termasuk haiwan serta tumbuhan.

Di negara seperti Ireland, satu beg plastik biasa memaparkan cukai kerajaan bernilai 15 sen euro atau 47 sen. Malah, pasar raya di Perancis mempraktikkan peraturan lebih drastik apabila tidak langsung menggunakan beg plastik. Pendekatan ini bukan sahaja menjadi insentif untuk memaksa individu menggunakan beg kitar semula, bahkan membantu menyelamatkan bumi.

Ketika ini, jumlah sisa pepejal negara mencecah lebih 33,000 tan sehari, tetapi hanya 10.5 peratus dikitar semula untuk menjadi produk lain bernilai tambah. Walaupun pelbagai kempen digerakkan, kesedaran kitar semula masih belum memuaskan.

Oleh itu, aktiviti kitar semula sangat penting disemai dan dilaksanakan kerana ia menukar sesuatu tidak boleh digunakan kepada sesuatu yang berfungsi. Antara kebajikannya, dapat mengurangkan penggunaan sumber asli, menjimatkan kos serta tenaga, menjana sumber kewangan dan memberi faedah sosial.

Paling penting, amalan kitar semula dapat mengurangkan penghasilan sisa buangan dan

sampah di tapak pelupusan. Menambah tapak pelupusan bukan jalan penyelesaian terbaik dalam menguruskan sisa buangan kerana tanah semakin terhad, manakala alam semula jadi perlu dipelihara.

Dari segi ekonomi, pada 2014 kerajaan terpaksa membelanjakan lebih RM1.4 bilion bagi kos perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, secara purata 2.3 juta tan bahan buangan dibawa ke tapak pelupusan dengan nilai mencecah RM900 juta setahun.

Kita perlu bertindak segera kerana jumlah bahan dan sisa buangan semakin bertambah berkali ganda setiap masa. Kita perlu membudayakan amalan kitar semula kerana ia dapat mengurangkan kemusnahan dan pencemaran alam semula jadi.

Kertas, plastik, tin aluminium dan kaca antara bahan buangan boleh dikitar semula. Paling menarik, mengitar 8 botol plastik boleh menghasilkan sehelai jersi.

Oleh itu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin menyarankan rakyat B40 untuk menukar sampah menjadi wang tunai sebagai cara untuk membantu menambah pendapatan. Ia punca rezeki bersumberkan sampah seperti menghasilkan baja pokok daripada sisa makanan dan barangan boleh dikitar semula umpamanya besi, tin, kertas dan plastik.

Menurut beliau, sebahagian penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan perumahan B40 berjaya dalam menjual produk kitar semula dengan pendapatan antara RM800 hingga



Barangan hiasan rumah berasaskan surat khabar yang dikitar semula.

(Foto hiasan)

RM1,000 sebulan. Ini menunjukkan kitar semula bukan sahaja boleh memulihara alam sekitar, malah menambah pendapatan isi rumah khususnya ketika negara dilanda masalah ekonomi akibat COVID-19.

Di negara ini, sejengkal timbunan akhbar lama berharga antara RM3 hingga RM4 bergantung kepada pembeli. Menariknya di Jepun, mereka yang menghantar televisyen untuk dibuang dengan tujuan dikitar semula, perlu membayar 2,835 yen

(RM91.83) kepada pusat pemrosesan kitar semula.

Mereka juga perlu membayar RM102.09 untuk pendingin hawa; peti sejuk (RM156.52) dan mesin basuh (RM81.66) tidak termasuk kos mengambil barangan lusuh berkenaan. Tidak seperti di negara ini, pengguna lebih suka membuang barangan lusuh elektrik ke pusat pelupusan sampah ataupun di mana sahaja kawasan.

Di Jepun juga, Panasonic Corporation bersama gergasi

pembuat elektronik lain mewujudkan pusat kitar semula di beberapa daerah bertujuan mengitar semula empat produk elektrik. Melalui kempen Eco Ideas, Panasonic mewujudkan Pusat Kitar Semula Panasonic Eco Technology (PETEC) di Kato, Hyogo, Osaka pada April 2001.

Setiap televisyen dihantar untuk kitar semula di PETEC selepas melalui beberapa proses akan dapat menghasilkan semula tiub sinar katod. Malah, kaca panel boleh dihasilkan yang banyak digunakan untuk produk baharu televisyen jenama itu di pasaran.

Dengan ini, sasaran menyedarkan masyarakat kepentingan alam sekitar semakin meluas dengan konsep kitar dan guna semula ini.

Berbanding di negara ini, Jepun menguatkuasakan undang-undang mengenakan denda melebihi 30,000 yen (RM970.57) kepada mereka yang tidak membuang kelengkapan rumah dengan cara betul. Atas kesedaran itu, kempen kitar semula di negara matahari terbit ini menjadi contoh kepada negara lain.

Penghasilan sampah ialah kesan langsung peningkatan populasi penduduk, aktiviti ekonomi dan pembangunan pesat serta untuk mengurangkannya, aktiviti kitar semula perlu diterapkan serta dijadikan budaya. Di Jerman, masalah pengeluaran sampah dapat diatasi apabila lebih 80 peratus bahan buangan dikitar semula.

Namun di Malaysia, amalan membudayakan pengasingan sisa dan kitar semula dalam kalangan rakyat masih rendah, iaitu sekitar 25 peratus menyebabkan lebih banyak sisa buangan pepejal dihasilkan setiap hari di negara ini. Kita tiada pilihan lain, kefahaman dan kesedaran amat penting diterapkan dan dibudayakan dalam kehidupan seharian bagi mengurangkan jumlah sisa dibuang ke tapak pelupusan sampah.

Justeru, antara langkah utama adalah mendidik masyarakat mengenai kepentingan kitar semula dan menggalakkan mereka melakukannya demi kelestarian alam. Antaranya, pengasingan sisa pepejal yang boleh dikitar semula dengan sisa makanan yang tidak boleh dikitar semula.

Dalam menempatkan negara sebagai negara maju, rakyat perlu mempunyai minda kelas pertama dan budaya sivik, termasuk mendepani masalah sampah dengan pengamalan budaya kitar semula cemerlang dalam kehidupan.



Rakyat perlu membudayakan amalan kitar semula untuk jana pendapatan dan bersihkan alam sekitar.